“Allah telah menulis takdir makhluk sebelum Dia menciptakan langit dan bumi selama lima puluh ribu tahun

Daripada ‘Abdullah bin ‘Amr bin al-‘As رضي الله عنهما, beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: “Allah telah menulis takdir makhluk sebelum Dia menciptakan langit dan bumi selama lima puluh ribu tahun, sedang Arasy-Nya berada di atas air.”

[صحيح] [رواه مسلم]

Nabi ﷺ mengkhabarkan bahawa Allah telah menulis takdir makhluk secara terperinci, merangkumi kehidupan, kematian, rezeki dan sebagainya, di dalam Lawh Mahfuz sebelum Dia menciptakan langit dan bumi selama lima puluh ribu tahun, dan ia berlaku menurut apa yang telah ditetapkan oleh Allah, Maka segala sesuatu yang berlaku adalah dengan qada' dan qadar Allah, Apa yang menimpa seorang hamba tidak mungkin tersasar daripadanya, dan apa yang tidak ditakdirkan untuknya tidak akan menimpanya.

https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65038